

PERATURAN AM

1.0 NAMA KEJOHANAN

Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Staf UTeM (SUTAF).

2.0 ANJURAN / KELOLAAN

- 2.1 Sukan Staf UTeM di anjurkan oleh Pusat Sukan, HEPA dengan kerjasama Jawatankuasa Pembangunan Sukan Staf dan Badan Kebajikan Staf UTeM (BAKUTeM).
- 2.2 Bagi maksud pengelolaan, Pusat Sukan HEPA bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan kepada Pengerusi Sukan Staf (atas lantikan).

3.0 KELAYAKAN

- 3.1 Penyertaan terbuka kepada semua staf yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- 3.2 Hanya Pemain yang didaftarkan dalam borang pendaftaran sahaja yang dibenarkan bermain dan sekiranya terdapat perubahan, Pengurus pasukan perlu memaklumkan kepada pihak Urusetia atau Pengerusi Sukan Staf sebelum perlawanan bermula.
- 3.3 Setiap staf hanya dibenarkan menyertai **Dua (2)** acara sukan yang berlainan sahaja di setiap fasa bagi mewakili PTJ masing – masing.
- 3.4 Sekiranya terdapat **staf yang dipinjamkan kepada PTJ lain**, staf tersebut hanya boleh **mewakili atau bermain untuk PTJ yang dipinjamkan** sahaja.
- 3.5 Terdapat **8 Pasukan** yang bertanding yang telah disenaraikan mengikut pecahan PTJ yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Sukan Staf.
- 3.6 Pelajar praktikal dan pembantu penyelidik tidak dibenarkan menyertai kejohanan ini.

4.0 BORANG PENYERTAAN

- 4.1 Semua penyertaan hendaklah menggunakan Borang Penyertaan yang diedarkan oleh Pihak Pengelola sahaja dan perlu **disahkan oleh Ketua Kontinjen atau Timbalan Ketua Kontinjen** sebelum diserahkan kepada pihak pengelola atau urusetia pertandingan sebelum atau pada tarikh yang telah ditetapkan.
- 4.2 Borang yang tidak lengkap tidak akan dilayan.

**KEJOHANAN SUKAN STAF (SUTAF)
 UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

5.0 JENIS SUKAN DIPERTANDINGKAN DAN BILANGAN ATLET/PEGAWAI

BIL.	ACARA	JUMLAH MEDAL (ATLET + PEGAWAI)			JUMLAH MEDAL
		EMAS	PERAK	GANGSA	
1.	Badminton Berpasukan Campuran	9	9	9	27
2.	Bola Jaring Wanita	12	12	12	36
3.	Bola Sepak 9 Sebelah	17	17	17	51
4.	Bola Tampar Lelaki	14	14	14	42
5.	Bola Tampar Wanita	14	14	14	42
6.	Boling Padang Berpasukan Campuran	7	7	7	21
7.	Catur Berpasukan Campuran	6	6	6	18
8.	Dart Campuran	6	6	6	18
9.	Sukan Elektronik (PUBG)	6	6	6	18
10.	Lumba Basikal Berpasukan	6	6	6	18
11.	Petanque Berpasukan	9	9	9	27
12.	Ping Pong Berpasukan Campuran	8	8	8	24
13.	Sepak Takraw Antara Regu	7	7	7	21
14.	Tenpin Boling Berpasukan Lelaki	6	6	6	18
15.	Tenpin Boling Berpasukan Wanita	6	6	6	18
JUMLAH KESELURUHAN		133	133	133	399

**** Menawarkan 15 Emas, 15 Perak dan 15 Gangsa.**

**** Jumlah pingat termasuk pemain dan pegawai pasukan.**

6.0 PASUKAN

- 6.1 Pertandingan sesuatu acara hanya akan dipertandingkan sekiranya **penyertaan lebih 4 pasukan** yang mengambil bahagian.

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1. Pertandingan akan dijalankan mengikut Format Liga 1 kumpulan.

7.1.1 Cara Satu Kumpulan

- 7.1.1.1 Sekiranya lima (5) pasukan mengambil bahagian, pertandingan akan dijalankan secara Liga Satu Kumpulan.

- 7.1.1.2 Pasukan yang mendapat mata terbanyak akan dikira sebagai Johan, kedua terbanyak menjadi Naib Johan dan seterusnya.

7.2 Cara Dua Kumpulan

7.2.1 Pusingan Awal

- 7.2.1.1 Sekiranya enam (6) pasukan atau lebih mengambil bahagian pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) Kumpulan A dan B dan pertandingan akan dijalankan secara Liga.

- 7.2.1.2 **Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 dan tempat Ke-4 akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2 atau B2.**

- 7.2.1.3 Sekiranya berlaku penarikan diri dalam mana-mana kumpulan maka peraturan 12.1.1.1 akan terpakai.

7.3 Pusingan Separuh Akhir

7.3.1 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ditempatkan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan X dan Y seperti berikut:-

Kumpulan X	Kumpulan Y
Johan Kumpulan A	Johan Kumpulan B
Naib Johan Kumpulan B	Naib Johan Kumpulan A

7.3.2 Pertandingan dijalankan secara KALAH MATI.

7.4 Sekiranya lima (5) dan tidak kurang dari empat (4) pasukan mengambil bahagian, pertandingan akan dijalankan secara LIGA SATU KUMPULAN.

7.5 Kedudukan keseluruhan akan ditentukan setelah tamat liga satu pusingan bagi setiap pasukan bertanding.

7.6 Pasukan yang mendapat mata terbanyak akan dikira sebagai pemenang.

7.7 Pemberian Mata

Menang - 3
Seri - 1
Kalah - 0

Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai sistem pemberian mata sendiri.

7.8 Peraturan Permainan bagi acara tertentu (E-Sports) akan mengikut norma permainan tersebut bagi kejohanan SUTAF.

8.0 PERALATAN

8.1 Semua jenis peralatan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal dan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

9.0 PAKAIAN

- 9.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan bersesuaian dengan permainan tersebut.
- 9.2 Jika kedua-dua pasukan memakai pakaian yang sama warna, pasukan yang namanya mula-mula tercatat dalam jadual perlawanan mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya.

10.0 KELEWATAN

- 10.1 Senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada urus setia permainan sebelum masa perlawanan bermula. Semua permainan akan dijalankan mengikut masa yang telah ditetapkan.
- 10.2 Hanya 15 minit kelewatan akan diberikan kepada pasukan yang lewat dari masa yang telah dijadualkan dan selepas 15 minit pihak lawan akan diberikan kemenangan percuma (mata dan *score* mengikut peraturan permainan).

11.0 PENANGGUHAN

- 11.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/dijadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.
- 11.2 Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.
- 11.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan Jawatankuasa Pengelola hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu atau Penganjur berhak memutuskan keputusan semasa jika keadaan cuaca buruk yang berterusan ataupun masalah teknikal di luar kawalan

12.0 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

- 12.1 Sekiranya sesuatu pasukan sengaja menarik diri atau menyerah kalah, semua keputusan yang diperolehi akan dibatalkan dan pasukan berkenaan akan digantung penyertaan pada kejohanan berikutnya.
- 12.2 Setiap pasukan mestilah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan walaupun telah layak ke pusingan seterusnya.
- 12.3 Jika berlaku kecederaan dan pasukan terlibat memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan, maka pemain yang cedera perlu mendapat pengesahan dari doktor rasmi kejohanan.

13.0 BANTAHAN / RAYUAN

- 13.1 Sebarang bantahan dan rayuan hanya boleh dibuat oleh **Pengurus Pasukan yang berdaftar** dan hendaklah **secara lisan** terlebih dahulu selepas perlawanan kepada Pengerusi Sukan Staf dan disusuli dengan bantahan bertulis **30 minit berserta RM300.00 wang bantahan** selepas tamat pertandingan tersebut (wang bantahan akan dipulangkan sekiranya bantahan berjaya).
- 13.2 Semua bantahan hendaklah disertakan bukti yang kukuh.
- 13.3 Jawatankuasa Mesyuarat Bantahan dan Rayuan adalah terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana, Pengerusi Sukan Staf Terlibat dan 3 orang Pengurus pasukan yang berkecuali.
- 13.4 Semua keputusan Jawatankuasa Bantahan / Rayuan adalah **Muktamad**.

14.0 HADIAH & PENENTUAN PEMENANG

- 14.1 Hadiah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola untuk pemenang-pemenang **Pertama, Kedua dan Ketiga** sahaja.
- 14.2 Johan keseluruhan akan ditentukan mengikut **jumlah pungutan pingat Emas, Perak dan Gangsa (Medal Tally)**.
- 14.3 Pihak penganjur berhak menentukan sistem pemenang dan keputusan adalah muktamad.

15.0 KEMALANGAN/KEROSAKAN/KEHILANGAN HARTA BENDA

- 15.1 Pihak penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan harta benda, kemalangan atau kehilangan harta benda yang mungkin dialami oleh peserta sebelum, semasa dan selepas pertandingan.

16.0 PERUBATAN

- 16.1 Sebarang kemalangan atau masalah yang timbul melibatkan kecederaan pemain adalah di bawah tanggungjawab sendiri dan pihak urusetia tidak akan bertanggungjawab.

17.0 PERUBAHAN / PINDAAN

- 17.1 Jawatankuasa pertandingan berhak mengubah, menggantikan atau meminda mana-mana syarat dan juga peraturan serta jadual pertandingan tanpa terlebih dahulu memaklumkan kepada peserta/pasukan.

18.0 PERKARA-PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

- 18.1 Semua perkara yang tidak di nyatakan dalam Peraturan Am ini akan di putuskan oleh Jawatankuasa Pengelola dan keputusannya adalah **muktamad**.

19.0 PERTANYAAN / MAKLUMAT LANJUT

- 19.1 Sebarang pertanyaan atau kemusykilan boleh berhubung terus dengan pihak Urusetia Pertandingan di Pusat Sukan HEPA, UTeM.

✚ **En. Faizol Ikmal bin Shariff**
Penolong Pendaftar
Pusat Sukan, Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Mobile : 012-9804029
Email : faizol.ikmal@utem.edu.my

✚ **En. Ahmad Rhafae Bin Samsudin**
Penolong Pegawai Belia dan Sukan Kanan
Pusat Sukan, Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Mobile : 012-2646902
Email : rhafae@utem.edu.my

✚ **Pn. Norasikin binti Md Isa**
Pembantu Belia dan Sukan Kanan
Pusat Sukan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Mobile : 017-3068061
Email : norasikin@utem.edu.my

✚ **En. Ahmad Affenday Bin Mohamed sani**
Pembantu Belia dan Sukan Kanan
Pusat Sukan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Mobile : 012-6376317
Email : affenday@utem.edu.my

En. Mohamed Shafuad bin Saadon
Pembantu Belia dan Sukan
Pusat Sukan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Mobile : 019-4256717
Email : shafuad@utem.edu.my